



**KOLEJ UNIVERSITI TEKNOLOGI
TUN HUSSEIN ONN**

**PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER I
SESI 2006/2007**

NAMA MATA PELAJARAN : PERKHIDMATAN DAN
PENYENGGARAAN BANGUNAN

KOD MATA PELAJARAN : BPE 3382

KURSUS : 3 BPD & 4 BPD

TARIKH PEPERIKSAAN : NOVEMBER 2006

JANGKA MASA : 2 JAM

ARAHAN : JAWAB **SEMUA** SOALAN

KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 3 MUKASURAT

- S1 (a) Nyatakan perbezaan antara sistem bekalan air langsung dan bekalan air tidak langsung.
(5 markah)
- (b) Senaraikan **lima** kebaikan sistem bekalan air langsung dan **lima** sistem bekalan air tidak langsung.
(5 markah)
- S2 Setiap bangunan memerlukan bekalan elektrik selaras dengan keperluan bangunan. Terangkan maksud sistem satu fasa dan sistem tiga fasa dalam sistem bekalan elektrik.
(5 markah)
- S3 Penyaman udara yang lengkap terdiri daripada dua kitaran iaitu kitaran penyejukan dan kitaran udara. Lakar gambarajah serta terangkan kitaran penyejukan dalam penyaman udara.
(10 markah)
- S4 Huraikan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam perancangan pemilihan sistem penyaman udara.
(10 markah)
- S5 Kebakaran adalah satu perkara yang membawa kemusnahan kepada bangunan dan manusia. Jelaskan jenis-jenis alatan mengesan dan mengawal kebakaran serta fungsinya.
(10 markah)
- S6 Setiap bangunan melebihi empat tingkat perlu mempunyai sistem lif. Terangkan jenis-jenis lif yang terdapat dalam sistem lif serta fungsinya.
(5 markah)
- S7 Sistem lif hendaklah dilengkapi dengan komponen asas bagi membolehkan ia berfungsi dengan selamat. Jelaskan komponen tersebut menggunakan lakaran ringkas.
(10 markah)

- S8 Universiti Darul Naim bercadang memasang sistem penyaman udara bagi blok pensyarahnya yang akan dibina pada tahun 2008. Blok pensyarah empat tingkat tersebut bakal menempatkan 400 orang pensyarah.

Lokasi blok ini terletak berhadapan jalan masuk utama universiti. Disamping itu, pihak universiti mahu nilai-nilai estetika bangunan miliknya dikekalkan.

Beri cadangan sistem penyaman udara yang sesuai dengan mengambil kira semua faktor yang berkaitan.

(20 markah)